

Headline	Curi bekalan elektrik cecah RM500,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	29
ArticleSize	310 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,495		



Curi bekalan elektrik cecah RM500,000

Mersing: Mampu kau untung lumayan setiap bulan dengan mencuri bekalan elektrik. Itu tindakan sebuah kilang memproses makanan laut yang disyaki mencuri bekalan elektrik hingga mencecah RM500,000.

Tembelang premis berkenaan terborgkak apabila Suruhanjaya Tenaga (ST) menerima aduan daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mengalami kerugian besar akibat usikan meter dilakukan premis itu sejak 2016.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd Elmi Anas berkata, operasi bersepudut membabitkan 20 pegawai ST dan TNB itu bertujuan mengesan kes penipuan dilakukan sepanjang tempoh itu.

"Premis memproses makanan laut itu disyaki melakukan pengusikan pada pemasangan meter elektrik sehingga menyebabkan ia gagal merekodkan bacaan dengan sempurna.

"Premis berkenaan didapati melakukan kegiatan berkenaan sejak 2016 hingga mengakibatkan kerugian

kira-kira RM500,000 kepada TNB," katanya pada sidang media di premis itu di sini, semalam.

Mengulas lanjut katanya, TNB menerusi aduannya memaklumkan kilang itu disyaki menggunakan elektrik dengan mencuri dan mengusik pemasangan meter elektrik di premis itu.

"Berdasarkan aduan itu, saya dari ST, TNB dan pausukan polis keselamatan menyebur kilang memproses ikan ini.

"Kami mengesyaki kilang ini sudah menjalankan aktiviti penggunaan elektrik secara curang ini sejak 2016 dan pemeriksaan lanjut sedang dijalankan," katanya.

Beliau yang mengetuai operasi itu berkata, sekiranya terdapat bukti, tinjakan mengikut Seksyen 37 (1), Seksyen 37 (3) dan Seksyen 37 (14) Akta Bekalan Elektrik 1990 boleh dikenakan.

"Hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun untuk kesalahan pertama dan denda RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun



MOHD ELMI (kanan) memeriksa meter di kilang memproses makanan laut yang diserbu.

atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua boleh dikenakan," katanya.

Katanya, orang ramai diingatkan tidak melakukan sebarang kegiatan penggunaan elektrik secara curang atau membuat pengusikan kepada pemasangan meter.

"Ini kerana ia bukan saja menyalah undang-undang, malah boleh mengundang bahaya kepada orang ramai apabila kese-

lamatan elektrik diaibakan," katanya.

Katanya, berdasarkan statistik sebanyak 17 serbuan dilakukan ST di seluruh negara dengan sembilan kertas siasatan sudah dibuka untuk pendakwaan.

Katanya, sejak 2015, 54 kes kertas siasatan dibuka dan di Johor saja dua kes kertas siasatan dibuka dalam tempoh ini, selain tambahan satu kes semalam.

Ditanya punca kecederungan aktiviti pengusikan itu katanya kemungkinan besar syarikat terbatib mahu mengurangkan kos operasi.

Sehubungan itu beliau menasihatkan industri menggunakan konsep cekap tenaga menerusi penggunaan peralatan, motor dan lampu LED yang cekap tenaga dan ia lebih baik daripada mengusik meter utiliti.